



PRINSIP HAK ASASI MANUSIA GLOBAL INTEL

Berkuat kuasa pada Februari 2009, kemas kini kali terakhir pada November 2019.

Pendekatan Kami

Hak asasi manusia adalah hak asas, kebebasan dan standard layanan yang semua orang berhak memilikinya. Penghormatan terhadap hak asasi manusia berakar umbi dalam nilai-nilai kami dan digunakan di mana sahaja kami menjalankan perniagaan. Prinsip Hak Asasi Manusia Global Intel ("Dasar") merasmikan komitmen Intel untuk menghormati hak asasi manusia dan merangkumi prinsip bersama yang dipersejui dalam Global Compact Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Deklarasi Hak Asasi Manusia Universal, Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, teras Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa, Garis Panduan Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi Perusahaan Multinasional, dan undang-undang negara di tempat kami beroperasi.

Polisi ini pertama kali diguna pakai pada tahun 2009 dan diaplikasikan kepada semua pekerja dan pekerja sandaran, pekerja anak syarikat kami, produk dan perkhidmatan kami, dan rangkaian perniagaan kami, termasuk rantaian bekalan kami. Dasar ini dirujuk dalam [Kod Tata Kelakuan Intel](#) dan termasuk sebagai bahan latihan tahunan pekerja. Intel mempunyai banyak dasar tambahan yang juga membimbing tindakan dalam bidang tertentu seperti rantaian bekalan, kesihatan dan keselamatan alam sekitar, dan privasi; polisi ini boleh didapati di [laman web Tanggungjawab Korporat Sosial Intel](#).

Di Intel, kami komited untuk mengekalkan dan memperbaiki sistem dan proses bagi mengelakkan keterlibatan dalam pelanggaran hak asasi manusia yang berkaitan dengan operasi kami sendiri, rantaian bekalan, serta produk kami. Intel telah mewujudkan pendekatan bersepada untuk menguruskan hak asasi manusia di seluruh perniagaan kami. Sebagai tambahan kepada pemantauan di peringkat lembaga dan Jawatankuasa Kajian Pengurusan Kanan, kami telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu hak asasi manusia yang mempunyai pelbagai fungsi. Pelbagai pasukan di seluruh organisasi bertanggungjawab untuk menjalankan usaha sewajarnya serta melaksanakan dasar dan prosedur bagi menangani risiko hak asasi manusia yang penting dan membantu pematuhan kami terhadap dasar tersebut.

Kami mentaksir risiko yang berkaitan hak asasi manusia secara berkala dan kesan yang bakal berlaku, mengkaji semula dasar dan proses pengurusan kami, serta mendapatkan input daripada pihak berkepentingan tentang pendekatan kami. Kami juga menyokong kemajuan hak asasi manusia melalui usaha global kami untuk membantu mengurangkan jurang digital, memperluas akses terhadap pendidikan dan teknologi, menggalakkan inovasi sosial, dan memperbaiki keadaan dalam rantaian bekalan kami. Kami komited untuk menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab di tempat kami tinggal dan bekerja.

Prinsip Kami

- **Kepelbagaian dan Tanpa Diskriminasi:** Intel menghargai kepelbagaian dalam tenaga kerja kami, serta pelanggan, pembekal dan lain-lain. Kami menyediakan peluang pekerjaan sama rata bagi semua pemohon dan pekerja. Kami tidak mendiskriminasi bangsa, warna kulit, agama,

kepercayaan agama, jantina, kerakyatan, keturunan, usia, kecacatan fizikal atau mental, keadaan perubatan, maklumat genetik, status ketenteraan dan veteran, status perkahwinan, kehamilan, jantina, ekspresi jantina, identiti jantina, orientasi seksual, atau ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang, peraturan, atau ordinan.

- **Larangan Gangguan:** Pekerja Intel adalah diharapkan untuk menghormati rakan sekerja, pelanggan, dan pembekal. Intel komited untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada gangguan seksual dan gangguan berdasarkan faktor-faktor seperti bangsa, warna kulit, kepercayaan agama, seks, kerakyatan, keturunan, usia, kecacatan fizikal atau mental, keadaan perubatan, maklumat genetik, status ketenteraan dan veteran, status perkahwinan, kehamilan, jantina, ekspresi jantina, identiti jantina, orientasi seksual, atau ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang, peraturan, atau ordianan. Intel tidak akan bertolak ansur dengan sebarang gangguan pekerja oleh pengurus, rakan sekerja atau pembekal.
- **Keselamatan di Tempat Kerja** Intel komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja, kontraktor, dan komuniti. Intel akan berusaha menyediakan persekitaran perniagaan yang selamat untuk melindungi pekerja, produk, bahan, peralatan, sistem dan maklumat. Kami berusaha untuk mematuhi segala keperluan peraturan yang terpakai secara minimum, serta melaksanakan program dan proses untuk mencapai perlindungan yang lebih luas, sekiranya bersesuaian.
- **Pencegahan Pemerdagangan Manusia, Buruh Paksa dan Buruh Kanak-kanak** Intel tidak akan menggunakan atau bertolak ansur dengan penggunaan buruh paksa, perhambaan hutang, buruh lindungan, buruh penjara paksa, perhambaan atau pemerdagangan manusia dalam perniagaan atau rantaian bekalan kami. (Rujuk [Kenyataan Anti Perhambaan dan Pemerdagangan Manusia Intel Corporation](#)). Kami melarang perlakuan kasar atau tidak berperikemanusiaan, termasuk hukuman tubuh badan atau ancaman hukuman tubuh badan. Juga, Intel tidak akan mengupah sesiapa di bawah umur 16 tahun untuk sebarang jawatan, dan pekerja di bawah umur 18 tahun tidak boleh melakukan kerja berbahaya, kerja lebih masa, atau kerja syif malam. Intel mengharapkan pembekalnya dapat mematuhi hasra-hasrat ini.
- **Waktu Bekerja dan Gaji Standard Minima:** Waktu bekerja tidak boleh melebihi had maksima yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan atau tidak lebih dari 60 jam seminggu, manapun yang lebih ketat. Pekerja tidak boleh bekerja lebih daripada 6 hari berturut-turut tanpa mengambil cuti sekurang-kurangnya satu hari. Intel mengharapkan pampasan kepada pekerja mematuhi undang-undang gaji yang terpakai, termasuk yang berkaitan dengan gaji minima, waktu bekerja lebih masa, dan manfaat yang diamanahkan secara sah. Intel mengharapkan pembekalnya dapat mematuhi hasrat-hasrat ini.
- **Kebebasan Persatuan/Perjanjian Kolektif:** Intel menyedari bahawa di banyak lokasi tempat kami beroperasi, pekerja berhak untuk bebas bergabung atau tidak dengan organisasi pihak ketiga seperti organisasi buruh, selaras dengan hak untuk tawar-menawar atau tidak secara kolektif mengikut undang-undang tempatan. Intel menghormati hak-hak tersebut dan terus komited untuk memperlakukan pekerja dengan maruah dan rasa hormat, serta mewujudkan persekitaran komunikasi terbuka di mana para pekerja dapat bercakap dengan pengurus mereka mengenai idea, kebimbangan atau masalah mereka, dan bekerjasama untuk menangani masalah di tempat kerja. Kami menggalakkan pekerja kami untuk berkongsi idea, kebimbangan atau cadangan melalui suasana kerjasama dan semangat berpasukan.

- **Tanggungjawab Produk:** Oleh sebab rangkaian produk dan perkhidmatan kami berkembang dan berubah, kami menilai kebimbangan yang berkemungkinan tentang bagaimana produk teknologi dapat digunakan untuk melanggar hak asasi manusia. Cabaran bermula daripada penyalahgunaan produk dan sekatan terhadap kebebasan bersuara, sehingga masalah keselamatan dan kesihatan yang mungkin timbul daripada teknologi baru. Kebanyakan produk Intel adalah produk pengkomputeran umum yang digabungkan ke dalam pelbagai sistem dan aplikasi dan dijual kepada pengguna akhir oleh pengedar, pengilang sistem, dan lain-lain, dan bukan secara langsung oleh Intel. Meskipun kami sering tidak mengetahui juga tidak dapat mengawal produk yang dicipta oleh pelanggan kami atau aplikasi yang mungkin dibangunkan oleh pengguna akhir, Intel tidak menyokong atau bertolak ansur dengan produk kami yang digunakan untuk melanggar hak asasi manusia. Sekiranya kami menyedari kebimbangan bahawa produk Intel digunakan oleh rakan niaga yang ada kaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia, kami akan menyekat atau menghentikan perniagaan dengan pihak ketiga sehingga dan melainkan kami berkeyakinan tinggi bahawa produk Intel tidak lagi digunakan untuk mencabuli hak asasi manusia.
- **Privasi dan Kebebasan Bersuara:** Intel komited terhadap hak privasi dan kebebasan bersuara dan kami berusaha melindungi akses, penggunaan, pemusnahan, pengubahsuai, atau pendedahan maklumat peribadi tanpa kebenaran [Dasar Privasi Intel](#). Intel mengambil berat secara serius peranannya dalam membangunkan teknologi yang melindungi privasi dan keselamatan individu dengan membantu memastikan data dilindungi serta mengurangkan potensi ancaman. Intel menggunakan dan menyokong pendekatan Privasi Reka Bentuk termasuk privasi asas komponen proses pembangunan produk dan perkhidmatan. Dasar Intel bukanlah untuk mencipta fungsi ke dalam mana-mana produk kami yang membolehkan pelanggan (termasuk pemerintah) untuk mengelak ciri-ciri keselamatan, atau sebaliknya berkompromi dengan keselamatan teknologi kami dengan cara yang boleh digunakan untuk melanggar privasi atau menyekat kebebasan bersuara (atau hak asasi manusia lain) individu. Di samping itu, kami menggalakkan dasar dan standard global untuk membina kepercayaan di seluruh infrastruktur digital global, dan untuk melindungi privasi data dan keselamatan data sebagai sebahagian daripada pelaksanaan dasar awam kami.
- **Pemuliharaan Alam Sekitar:** Kami menyokong sebarang langkah penuh cermat terhadap bahan yang digunakan dalam produk kami; berusaha untuk menjimatkan tenaga, air, dan sumber semula jadi yang lain; dan berusaha untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar berkaitan penghasilan sampah dan pembebasan gas ke udara, air dan darat. Komitmen kami terhadap pemuliharaan alam sekitar digabungkan dalam kedua-dua [Dasar Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan Intel](#) dan di dalam [Kod Tata Kelakuan Intel](#). Intel menyedari bahawa air adalah sumber semula jadi yang sangat penting bagi perniagaan kami dan komuniti di tempat kami beroperasi. Komitmen Intel dalam menghormati hak asasi manusia terhadap air termasuk di dalam [Dasar Air Intel](#). Kami percaya bahawa perubahan iklim adalah cabaran alam sekitar, ekonomi, dan sosial yang serius dan [Dasar Perubahan Iklim Intel](#) menggariskan kedudukan kami secara rasmi mengenai perubahan iklim dan memperincikan sejarah tindakan kami dengan lebih lanjut dalam bidang ini.
- **Tanggungjawab Pembekal:** Seperti diterangkan dengan lebih terperinci dalam laman web kami [supplier.intel.com](#) Intel mengharapkan pembekal kami untuk mengekalkan pengupahan progresif, alam sekitar, kesihatan dan keselamatan dan amalan beretika yang memenuhi atau melebihi undang-undang terpakai dan kod luaran yang berkaitan seperti [Kod Tata Kelakuan Responsible Business Alliance \(RBA\)](#), [Kod Tata Kelakuan Intel](#), dan Prinsip Hak Asasi Manusia

Berkenaan dengan penyumberan galian bertanggungjawab, adalah menjadi matlamat Intel untuk menggunakan tantalum, timah, tungsten dan emas di dalam produk kami tanpa membiayai atau memberi keuntungan secara langsung atau tidak langsung kepada kumpulan bersenjata di DRC atau negara berhampiran sambil terus menyokong penyumberan galian yang bertanggungjawab di rantau ini. Intel mengharapkan pembekal untuk menepati dasar kami dan berusaha sewajarnya bagi membolehkan kami mencapai matlamat ini dan komitmen kami termaktub dalam [Dasar Galian Berkonflik Intel](#).

Proses Pemulihan dan Pengaduan

Kami telah menyediakan proses pengaduan dan pemulihan secara rasmi untuk membolehkan sesiapa sahaja, termasuk pekerja, pekerja pembekal Intel dan pihak berkepentingan luaran yang lain, melaporkan masalah hak asasi manusia melalui portal pelaporan etik yang dijalankan oleh pihak ketiga kami. Kami akan segera menyasat tuduhan dan mengambil tindakan untuk mengurangkan kesan hak asasi manusia yang memudaratkan. Intel tidak bertolak ansur dengan tindakan balas dendam terhadap sesiapa yang berniat baik melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang, Kod Tata Kelakuan Intel, atau polisi atau prosedur syarikat lain, bertanya tentang tindakan yang sedang berjalan atau dicadangkan, atau mengambil bahagian dalam siasatan dalaman.

Ringkasan

Dasar ini secara ringkasnya bertujuan untuk menyatakan komitmen Intel menghormati hak asasi manusia di seluruh dunia. Maklumat lanjut tentang proses keterlibatan pihak berkepentingan, sistem pengurusan, dan prestasi kami boleh didapati dalam [Laporan Tanggungjawab Korporat Intel](#). Prinsip-prinsip ini dikaji semula setiap tahun dan dikemas kini mengikut keperluan. Kami komited untuk peningkatan berterusan dalam prestasi kami, komunikasi yang telus, dan untuk berkongsi pengetahuan yang kami perolehi dengan pihak berkepentingan kami, termasuk pekerja, pelanggan, pembekal, pemegang saham, dan komuniti tempat kami tinggal dan bekerja.

Intel dan logo Intel adalah tanda dagangan Intel Corporation atau anak syarikatnya di A.S. dan/atau negara lain.
* Nama dan jenama lain mungkin boleh dituntut sebagai hak milik orang lain.